

# Insaniah dedah ilmu fenomena alam

**ALOR SETAR** – Menyedari pemanasan global dan perubahan cuaca di seantero dunia mula memberikan implikasi penipisan lapisan ozon, Kolej Universiti Insaniah telah bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar Kedah menganjurkan program Kesedaran Penipisan Lapisan Ozon.

Majlis perasmian itu telah disempurnakan Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Mohamad Sayuti Sepeai di Dewan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Menurutnya, masyarakat kini mulai bimbang dengan fenomena alam luar jangkaan yang berubah secara drastik.

“Program yang mendapat kerjasama Insaniah ini bertujuan meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai isu-isu alam sekitar yang melanda dunia sekarang.

“Selain itu, kita ingin bertukar-tukar pandangan mengenai langkah-langkah dan peranan masyarakat untuk menjaga alam sekitar,” katanya di sini.

Mohamad Sayuti berkata, sepanjang program diadakan, pelbagai aktiviti telah dianjurkan yang turut melibatkan agensi-agensi kerajaan seperti Agensi Anti Dadah



■ **MOHAMAD SAYUTI**

Kebangsaan dan Jabatan Perhilitan.

Menurutnya, kempen itu diadakan di Insaniah kerana ingin menanam kesedaran bermula dari peringkat akar umbi iaitu melibatkan golongan muda.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah tayangan video mengenai fenomena lapisan ozon, syarahan dan pameran.

Pada akhir program itu, beberapa sekolah, agensi kerajaan dan pihak swasta telah menerima anak pokok sempena Kempen Penanaman Pokok.

**HEBAHKAN**  
Aktiviti Komuniti Anda  
**Hubungi**  
**Sinar Harian**